



24 OCT, 2024

Tidak ada sebarang campur tangan KPK

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

SIASATAN SELUDUP KENDERAAN MEWAH

Tidak ada sebarang campur tangan KPK

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menafikan Ketua Pengarah Kastam (KPK), Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin campur tangan dalam penahanan dan siasatan terhadap sindiket penyeludupan kenderaan mewah di Sarawak.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Ribuan Abdullah menegaskan Bahagian XII Akta Kastam 1967 menjamin hak untuk Pegawai Penguatkuasaan JKDM menjalankan tugas tanpa sebarang campur tangan mana-mana pihak, termasuk di peringkat negeri yang diterajui Pengarah Kastam Negeri.

"Sehubungan dengan itu, JKDM menafikan penglibatan KPK dalam penahanan atau siasatan kenderaan-kenderaan yang disita, kerana perkara ini jelas di bawah bidang tugas Bahagian Penguatkuasaan yang diterajui oleh Pengarah Kastam Negeri Sarawak. "JKDM juga ingin menegaskan bahawa KPK tidak pernah campur tangan dalam urusan atau aktiviti penguatkuasaan dan penahanan kenderaan tersebut," katanya semalam.

Beliau berkata demikian bagi menafikan dakwaan yang tular media sosial menerusi satu hantaran yang menuduh Anis Rizana memberi layanan istimewa kepada sindiket yang terbabit dalam kes rampasan 10 kenderaan mewah pelbagai jenama dianggarkan bernilai lebih RM8.12 juta oleh JKDM Sarawak.

Ribuan berkata, satu laporan polis dibuat berhubung dakwaan itu bagi menjaga nama baik Anis Rizana dan JKDM.

Mengulas mengenai rampasan yang dilakukan JKDM Sarawak, Ribuan berkata tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan mewah dan pemilik yang terkait dalam kes itu dilakukan mengikut Seksyen 114 Akta Kastam 1967.

Beliau berkata, akta itu memberi kuasa kepada pegawai kastam untuk



ANIS Rizana

menyita apa-apa barang sekiranya terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki berlakunya kesalahan di bawah akta tersebut atau peraturan-peraturannya.

"Keputusan untuk meneruskan sesuatu tindakan sama ada pendakwaan atau melepaskan kenderaan kenderaan berkenaan, tertakluk kepada kuasa Pendakwa Raya mengikut Seksyen 379 Kanun Acara Jenayah," katanya.

Sementara itu, Ribuan berkata, JKDM Sarawak menahan sebanyak 56 kenderaan untuk siasatan, membabitkan hasil berjumlah RM11.7 juta bagi tempoh Januari hingga September tahun ini.

Beliau berkata ia menunjukkan peningkatan sebanyak 115.4 peratus bagi jumlah unit kenderaan dan peningkatan sebanyak 192.5 peratus bagi jumlah hasil berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Tindakan Penguatkuasaan JKDM yang tegas akan berterusan, walaupun tohmahan dan fitnah dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan prestasi rampasan yang telah meningkat bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023," katanya.

Ribuan berkata, JKDM bekerjasama dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri untuk mengenal pasti dan membina profil pengimport kenderaan di Malaysia.

Beliau turut menyeru orang ramai untuk menyalurkan maklumat berkenaan aktiviti penyeludupan dengan menghubungi talian bebas tol JKDM di talian 1-800-88-8855.



24 OCT, 2024

Tidak ada sebarang campur tangan KPK

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SIASATAN SELUDUP KENDERAAN MEWAH

Kuala Lumpur: Ja b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menafikan Ketua Pengarah Kastam (KPK), Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin campur tangan dalam penahanan dan siasatan terhadap sindiket penyeludupan kenderaan mewah di Sarawak.